

BAB I

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang

Setiap ibu bapa sentiasa berharap agar anak-anak mereka menjadi murid yang berjaya. Namun begitu tidak semua murid tersebut berjaya dengan cemerlang dalam bidang akademik. Terdapat segelintir murid-murid yang tidak mampu mengikuti pelajar seperti murid-murid lain di dalam kelas. Murid-murid ini tidak dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dengan baik. Murid-murid tersebut kurang upaya membaca dengan lancar, bacaannya tersekat-sekat dan tahap keupayaannya tidak setanding dengan umur sebenar mereka. Oleh itu murid-murid tersebut diletakkan di dalam kelas khas yang dikenali dengan Kelas Khas Masalah Pembelajaran. Murid-murid di dalam kelas khas akan diajar mengikuti jadual waktu yang berbentuk di antaranya berlatih menulis, mengira dan membaca. Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan adalah berkebun, kemahiran pertukangan dan riadah. Jika setelah menduduki kelas khas ini, murid-murid tersebut menunjukkan tahap perkembangan yang memuaskan seperti boleh membaca dengan baik, menulis dengan betul dan mengira dengan tepat maka murid tersebut dicadangkan memasuki kelas biasa yang sesuai dengan tahap kemampuan mereka.

Menurut Mohd.Siraj (1996), proses memasukkan murid-murid ke dalam sistem pendidikan normal di sekolah-sekolah telah dinamakan pengsealiran atau

inklusif. Inklusif di sini boleh didefinisikan sebagai proses memasukkan murid secara fizikal, sosiologikal dan diberikan didikan mengikut keperluan masing-masing. Menurut Parson dan Beauchamp (1995), kelas inklusif seharusnya merupakan tempat yang menyediakan peluang pembelajaran secara sama rata, ada unsur-unsur penerimaan, terlibat dalam interaksi sosial, boleh berdikari, perkembangan diri dan boleh berlaku penyesuaian diri antara murid-murid bermasalah pembelajaran dengan murid-murid lain. Inklusif juga tidak bermakna sekiranya penempatan murid tersebut dibuat secara fizikal semata-mata bersama rakan yang normal malahan ia lebih bermaksud menginklusifkan murid dalam semua aspek yang berkaitan dengan pendidikan. Di samping itu, murid-murid tersebut mendapat layanan yang sama rata dengan murid-murid lain di kelas biasa.

Kamariah (1995) pula, pendidikan inklusif bukanlah bererti semata-mata meletakkan murid khas dalam kelas yang sama dengan murid yang normal, tetapi perlu berlaku integrasi sosial dan akademik bagi memberi peluang yang sama kepada kanak-kanak membangun dan berkembang dengan positif.

Pendidikan inklusif di negara ini telah bermula sejak tahun 1962 bagi murid-murid cacat penglihatan. Murid-murid khas cacat penglihatan telah belajar dalam kelas biasa bersama-sama murid biasa dengan bantuan guru khas resos. Pada sesi persekolahan 1993 / 94 satu era baru telah berlaku dalam perkembangan Pendidikan Inklusif, seramai 3 orang murid khas cacat pendengaran telah ditempatkan ke tingkatan 6 rendah biasa dengan dibantu oleh

dua orang guru resos khas di Sekolah Menengah Methodist (L), Kuala Lumpur. Pendidikan Inklusif telah dikembangkan dengan projek perintis Pendidikan Inklusif bagi murid Khas Bermasalah Pembelajaran di 14 buah sekolah diseluruh negara mulai sesi 1994 / 95.

Abdul Talib (1994), Pendidikan Inklusif ini menawarkan kanak-kanak berkeperluan khas belajar bersama-sama murid normal di dalam bilik darjah dan sekolah yang sama. Secara dasarnya tidak banyak perbezaan dalam pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas dengan pendidikan kanak-kanak biasa. Murid-murid ini tidak merasa terasing daripada masyarakat. Murid-murid ini juga dapat meningkatkan sikap positif dari segi yakin diri, berdikari, sabar, berani, dinamik dan bertanggungjawab. Mereka juga akan melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan dan kemahiran-kemahiran setanding dengan kanak-kanak biasa.

Sehubungan dengan itu Ismail (1995) dalam ucaptamanya dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas , mengatakan pendidikan membawa kepada pembentukan peribadi yang mulia dan anak-anak yang dididik dalam suasana yang positif akan menggalakkan akan menjadi orang yang berguna.

1.1 Pernyataan Masalah

Trend pendidikan kini sangat menyokong agar murid-murid berkeperluan khas ditempatkan belajar bersama-sama dengan murid-murid normal di dalam

'setting' yang sama semaksimum mungkin. Namun begitu, perkara ini masih hangat dibahaskan (Stainback et.al.,1985).

Huefher (1988) pula menyatakan, ramai pendidik mengakui akan kebaikan Pendidikan Inklusif dan beliau telah menyediakan satu senarai kebaikannya seperti berikut antaranya :

1. Mengurangkan stigma terhadap murid-murid berkeperluan khas yang terpaksa meninggalkan bilik darjah biasa untuk keluar mendapatkan perkhidmatan pendidikan sokongan di bilik resos.
2. Mencetuskan lempahan kebaikan dalam berbagai segi, hasil daripada interaksi murid bersama rakan sebaya sama ada dari segi tingkah laku dan lain-lain sikap yang positif.
3. Mengurangkan kecenderungan melabel dan menyalah lebel ke atas murid-murid berkeperluan khas.

Mengikut York dan Vandercook (1991), Pendidikan Inklusif dapat dijayakan sekiranya murid berkeperluan khas benar-benar diinklusifkan sebagai ahli di dalam kelas. Inklusif tidak mempunyai sebarang makna sekiranya murid cuma diberi tempat duduk di dalam kelas. Di samping itu, pengajaran perlu dilaksanakan secara individu untuk murid berkeperluan khas. Setiap kekuatan dan kelemahannya perlu diambilkira di dalam program pendidikan.

Abdul Latif (1996), sekiranya Pendidikan Inklusif hendak dilaksanakan di negara kita, perkara asas yang perlu dipertimbangkan ialah kesediaan guru di

sekolah biasa untuk menerima murid dengan keperluan khas ke dalam kelasnya. Guru tersebut terpaksa terlibat dengan tanggungjawab yang lebih berat untuk mendidik murid tersebut di samping mendidik murid biasa yang sedia ada seramai lebih kurang 40 ke 45 orang murid dalam satu kelas.

Menurut Abdul Latif (1996), objektif utama sesebuah sekolah ialah untuk mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan. Desakan untuk mencapai matlamat itu datang dari pelbagai arah, di antaranya Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah, ibu bapa dan media massa. Penekanan ke arah kecemerlangan akademik sudah tentu memberi tekanan pula kepada para guru. Guru-guru selalunya berusaha keras di dalam bilik darjah untuk menghabiskan sukatan pelajar. Untuk menghabiskan sukatan pelajar guru-guru akan menganggap semua murid dalam kelas tersebut mempunyai kebolehan yang sama dari aspek pemahaman dan gerak kerja akademik. Andaian ini akan meletakkan murid berkeperluan khas dalam kelas murid normal sebagai penumpang sahaja. Adakah situasi ini menjadi objektif kepada Pendidikan Inklusif?

Walaupun Huefner (1988) telah menggariskan beberapa kebaikan Pendidikan Inklusif, namun program pendidikan ini masih menjadi tajuk perbincangan di dalam dan luar negeri. Oleh itu Malaysia sebagai sebuah negara yang baru dalam bidang Pendidikan Inklusif harus melihat program ini secara lebih komprehensif lagi. Seperkara yang perlu dititikberatkan ialah pembentukan konsep kendiri murid-murid berkeperluan khas yang mengikuti Pendidikan

Inklusif. Murid-murid berkeperluan khas dalam konteks kajian ialah murid yang menghadapi masalah pembelajaran. Bagi murid yang mengikuti Pendidikan Inklusif secara separuh inklusif, mereka mengikuti pembelajaran di kelas normal hanya untuk beberapa matapelajar sahaja. Di waktu yang selebihnya mereka akan mengikuti program di kelas khas. Situasi ini akan mencetuskan beberapa perkembangan yang kurang sihat ke atas murid tersebut.

Walaupun murid tersebut dapat berinteraksi dengan murid kelas normal dalam Pendidikan Inklusif, namun murid kelas normal akan memandang rendah kepada murid tersebut. Selain umur sebenar mereka lebih tinggi daripada rakan sekelas, kekurangan-kekurangan yang lain akan menjadikan perkembangan emosi murid tersebut.

Di samping itu, ketiadaan guru damping juga akan menyebabkan murid bermasalah pembelajaran merasa terasing di dalam kelas inklusif. Oleh itu kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap konsep kendiri murid-murid bermasalah pembelajaran dalam kelas inklusif. Tahap konsep kendiri yang tinggi akan memberi sumbangsih jangka panjang dalam kehidupan mereka. Manakala tahap konsep kendiri yang rendah akan membantutkan perkembangan emosi mereka dalam jangka panjang.

Jersild (1957 dalam Rohaty, 1993) mengatakan konsep kendiri sebagai himpunan fikiran, perasaan, harapan dan fantasi seseorang; pandangan terhadap diri pada masa sekarang, masa lepas dan masa hadapan serta konsep kendiri yang rendah adalah individu yang sensitif, rasa rendah diri, membenci diri sendiri,

biasanya menjauhkan diri daripada orang lain kerana menganggap dirinya serba kekurangan.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi konsep kendiri murid-murid bermasalah pembelajaran dalam kelas inklusif di sekolah yang terpilih. Di samping itu pengkaji akan melihat penglibatan murid-murid tersebut di dalam bilik darjah dari segi keaktifan dan penyertaan mereka dalam gerak kerja kelas. Pemerhatian ini akan dapat membantu pengkaji mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi konsep kendiri mereka. Pandangan dari guru-guru juga akan digunakan bagi memperkuuhkan dapatan kajian akan diperolehi.

1.3 Soalan Kajian

Soalan kajian bagi tujuan kajian ini ialah

1. Apakah bentuk Pendidikan Inklusif yang diamalkan di sekolah terpilih? ✓
2. Apakah konsep kendiri sampel kajian di kelas inklusif?
3. Sejauh manakah faktor-faktor pencapaian akademik dan peranan mempengaruhi konsep kendiri sampel kajian di kelas inklusif? _____

1.4 Batasan Kajian

Pendidikan Inklusif merupakan satu program baru dalam pendidikan bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Oleh itu tidak banyak sekolah rendah dan

menengah yang melaksanakan Pendidikan Inklusif. Oleh itu kajian ini akan melihat konsep kendiri murid-murid masalah pembelajaran dalam kelas Pendidikan Inklusif di sebuah sekolah menengah kebangsaan di daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.

Dalam kajian ini subjek kajian yang terlibat ialah tiga orang murid yang menuntut di tingkatan dua. Pembentukan konsep kendiri murid ini sangat penting demi membantu mereka mencapai kejayaan yang diharapkan.

1.5 Kepentingan Kajian

Menurut Kamariah (1995), untuk menjayakan Pendidikan Inklusif dan dalam melaksanakan pendidikan bagi kanak-kanak dengan keperluan khas adalah penting suatu perancangan program yang teratur. Oleh itu kajian mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi konsep kendiri murid-murid bermasalah pembelajaran akan dapat membantu pihak sekolah menyediakan program yang dapat dimanfaatkan oleh murid-murid dan guru-guru. Dapatkan kajian ini akan menjadi petunjuk bagi pihak-pihak yang berkenaan memahami murid-murid bermasalah pembelajaran dengan lebih baik, merancang aktiviti-aktiviti yang mendorong kepada peningkatan keyakinan diri murid-murid dan perancangan latihan guru di peringkat dalaman.

Ayers (1993) pula mengatakan ramai guru berasa kecewa kanak-kanak kurangupaya pembelajaran diletakkan dalam kelas normal tanpa perancangan dan khidmat sokongan semata-mata untuk menjimatkan kos.

Perancangan yang dirancang harus berupaya membantu para murid meningkatkan konsep kendiri mereka. Pembentukan konsep kendiri yang positif akan membantu perkembangan emosi kanak-kanak dengan baik. Konsep kendiri yang positif akan meningkatkan keyakinan diri, kesedaran diri dan penerimaan diri mereka sendiri.

Jika program yang dirancang tidak membantu meningkatkan konsep kendiri mereka, maka kanak-kanak ini akan menghadapi konflik dengan kehidupan masyarakat nanti. Penolakan di peringkat sekolah oleh rakan sebaya di kelas normal akan menggambarkan penolakan masyarakat kepada individu-individu istimewa seperti mereka di masa akan datang.

Di samping itu, diharapkan hasil kajian ini akan menyedarkan golongan guru, perancangan program dan pelaksana program supaya peka terhadap keperluan sokongan kepada murid bermasalah pembelajaran dalam memperkembangkan potensi diri murid dan seterusnya perkembangan emosi yang stabil.

Akhir sekali, individu yang mempunyai konsep kendiri yang positif juga adalah sihat dan aktif dari segi mental dan fizikal. Ini membolehkan golongan yang menghadapi masalah pembelajaran dapat meneruskan kecemerlangan dalam kelas Pendidikan Khas dan seterusnya maju seiring murid-murid kelas normal.

1.6 Definisi Istilah

Dalam usaha untuk melihat konsep kendiri murid-murid masalah pembelajaran dalam kelas Pendidikan Inklusif, maka perlulah difahami beberapa konsep penting yang berkaitan.

1.6.1 Konsep Kendiri

Menurut Burn (1982 dalam Rohaty, 1993), konsep kendiri adalah satu keseluruhan persepsi atau tanggapan seseorang pada dirinya. Konsep kendiri meliputi persepsi, kepercayaan, perasaan, sikap dan nilai yang sangat dibeza-bezakan dan yang dipegang oleh seseorang. Kendiri ialah gabungan di antara persepsi kendiri terhadap diri sendiri yang mencakupi aspek-aspek nilai dan sikap dengan persepsi orang lain terhadap dirinya dari segi nilai dan sikap.

Jersild (1975 dalam Rohaty, 1993) pula mengatakan konsep kendiri sebagai himpunan fikiran, perasaan, harapan dan fantasi seseorang; pandangan terhadap diri pada masa sekarang, masa lepas dan masa hadapan serta sikapnya terhadap nilai sendiri. Konsep kendiri merupakan petunjuk bagi memahami kesihatan mental. Individu yang mempunyai konsep kendiri yang rendah adalah individu yang sensitif, rasa rendah diri, membenci diri sendiri, biasanya menjauhkan diri daripada orang lain kerana menganggap dirinya serba kekurangan. Dia juga takut bergaul atau bersosialisasi dengan individu lain.

Konsep kendiri boleh digolongkan kepada dua jenis yang utama, iaitu konsep kendiri positif dan konsep kendiri negatif.

- i. Konsep Kendiri Positif. Konsep kendiri yang positif bermaksud keadaan atau situasi yang mana seseorang individu itu percaya dan yakin kepada dirinya, mempunyai minat yang baik, bersifat objektif dan tidak terlalu sensitif. Individu tersebut boleh menerima kritikan individu lain serta sudi memberi pandangan dan pendapatnya jika timbul atau terdapat keadaan yang tidak logikal atau rasional.
- ii. Konsep Kendiri Negatif. Seseorang individu yang mempunyai konsep kendiri negatif akan menunjukkan sifat-sifat terlalu subjektif.

Dalam kajian ini, konsep kendiri didefinisikan sebagai cara seseorang melihat dirinya, seperti yang ditunjukkan oleh gerakbalas-gerakbalasnya kepada soalan-soalan yang dipilih dari Skala Konsep Kendiri Tennessee (Tennessee Self - Concept Scale) serta dimensi-dimensi kendiri yang khusus termasuk kendiri fizikal, peribadi, sosial, moral-etika dan keluarga.

- i. Kendiri Keluarga - Konsep kendiri dalam hubungan dengan kumpulan sosial utama iaitu ahli keluarga dan rakan-rakan.
- ii. Kendiri Fizikal - Konsep kendiri dalam hubungan dengan keadaan dirinya seperti paras rupa.
- iii. Kendiri Sosial - Konsep kendiri dalam hubungan dengan kumpulan sosial kedua seperti masyarakat.

- iv. Kendiri Peribadi - Konsep kendiri yang berkaitan dengan nilai diri peribadi, ciri-ciri dan sifat psikologikal.
- v. Kendiri Moral-Etika - Konsep kendiri terhadap etika moral, nilai-nilai masyarakat dan agama.

1.6.2 Murid-murid Bermasalah Pembelajaran

Dalam kajian ini, pengkaji memilih murid-murid masalah pembelajaran yang berada di sekolah menengah. Mereka berada di dalam tingkatan 3. Dalam kajian ini juga perkataan remaja juga merujuk kepada murid-murid.

1.6.3 Masalah Pembelajaran

Menurut 'The National Joint Committe for Learning Disabilities (NJCLD), Masalah Pembelajaran adalah kesukaran untuk mendengar, bercakap, membaca, menulis, mentaakul atau kecekapan matematik. Dalam konteks kajian ini, masalah pembelajaran adalah dirujuk kepada murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran dan telah melalui kelas khas masalah pembelajaran. Murid-murid ini didapati telah mampu mendengar dengan baik, bercakap dengan lancar, membaca dengan petah, menulis dengan betul, mentaakul dengan baik atau mengira dengan cekap.

Oleh itu murid-murid ini dicadangkan untuk memasuki kelas Pendidikan Inklusif di peringkat sekolah menengah.

1.6.4 Kelas Pendidikan Inklusif

Dalam kajian ini, Pendidikan Inklusif bermaksud Pendidikan Inklusif Separuh. Ini bermakna murid-murid yang terlibat berdaftar di kelas khas dan belajar di kelas normal. Sebahagian besar mata pelajaran dipelajari di kelas normal manakala sebahagian lagi dipelajari di kelas khas dengan dibimbing oleh guru resos.

1.6.5 Guru-guru

Dalam kajian ini, guru-guru bermaksud guru resos, guru mata pelajar dan guru tingkatan. Guru-guru ini terlibat secara langsung dengan murid sama ada aktiviti di dalam atau di luar kelas.

1.6.6 Kelas Normal

Kelas normal ialah kelas biasa bagi murid-murid yang tidak menghadapi sebarang masalah pembelajaran. Murid-murid di dalam kelas normal dapat belajar seperti biasa dan murid-muridnya dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dengan baik.

1.6.7 Ekstrovert

Dalam kajian ini, ekstrovert bermaksud murid itu suka berkomunikasi dan tidak segan. Mereka selesa menemui orang lain khususnya orang yang baru

dikenali. Di samping itu juga, mereka mudah di dampingi dan suka menonjolkan diri.

1.6.8 Introvert

Introvert merujuk kepada murid yang pendiam, tidak peramah kecuali dengan rakan-rakan yang intim.

1.6.9 Ketahanan

Murid yang mempunyai ketahanan bermaksud akan melaksanakan sesuatu tugas itu sehingga selesai, tidak cepat bosan, jarang putus asa, sedia menerima cabaran dan tabah menghadapi hidup.

1.6.10 Kritik Diri

Suka menyalahkan diri sendiri, merasa rendah diri, merasakan diri tidak sempurna, tidak mempunyai kekuatan dan ketahanan mental dan emosi yang tidak stabil.

1.6.11 Sokongan

Suka bergantung kepada orang lain, kurang berkeyakinan kepada diri sendiri dan sukar membuat keputusan dalam masa yang singkat.

1.6.12 Mengawal

Berkeyakinan, suka mempengaruhi orang lain, suka membuat keputusan penting secara bersendirian dan suka dianggap pemimpin.